

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 7 MAC 2017 (SELASA)

Dato' Johari Bin Abdul [Sungai Petani] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah keseluruhan rumah generasi kedua Felda yang dirancang untuk dibina dan dari jumlah ini berapa yang telah siap dibina dan bila dijangka kesemuanya akan siap dibina.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA merancang untuk membina sebanyak 20,000 unit Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) di mana fasa pertama sejumlah 8454 akan dijual RM 90,000 seunit, manakala 11546 bagi fasa ke 2 akan dijual pada harga RM 70,000 seunit. Sebanyak 106 unit rumah sudah ditawarkan kepada pemilik yang berjaya iaitu 26 unit di Tanah Rancangan FELDA Padang Piol dan 80 unit di Sungai Tiang. Manakala sejumlah 4,884 unit lagi dijadualkan akan ditawarkan sepanjang tahun 2017. Baki unit fasa pertama dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2018 manakala fasa ke 2 akan bermula pada tahun 2018 juga.

Sekian, terima kasih.